

Headline	Berkhatan kurang risiko AIDS, HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 May 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	40	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,872
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,616



Berkhatan kurang risiko AIDS, HIV

Putrajaya: Kajian Kementerian Kesihatan mendapati lelaki yang berkhatan dapat mengurangkan 64 peratus risiko jangkitan penyakit AIDS dan HIV, kata Timbalan Menteri Datuk Seri Dr Hilmi Yahya.

Menurutnya, angka itu amat signifikan dan dapat membantu mengurangkan kes jangkitan AIDS dan HIV di negara ini.

“Kita menggalakkan lelaki di negara ini termasuk bukan Islam supaya berkhatan untuk mengurangkan risiko jangkitan terhadap penyakit berbahaya ini,” katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan peruntukan berjumlah RM6,315,000 kepada Majlis AIDS Malaysia (MAM) di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit) dan Ketua Sektor (AIDS/STI) Dr Sha'ari Ngadiman dan Presiden MAM Datuk Dr Raj Abdul Karim.

Peruntukan itu bertujuan membiayai usaha MAM me-

nangani penularan penyakit AIDS dan HIV dalam negara, termasuk untuk membeli kit pencegahan dan jarum suntikan bagi aktiviti di bawah Global Fund.

Sehingga tahun lalu, jumlah kumulatif pesakit HIV adalah 101,672 kes; AIDS (20,235) dan 16,340 kematian menjadikan jumlah mereka yang hidup dengan HIV (PLHIV) adalah sebanyak 85,332 kes.

Sementara itu, Dr Hilmi berkata, kadar jangkitan HIV/AIDS di negara ini juga semakin turun iaitu dari 28.4 kes per 100,000 penduduk pada 2002 kepada 11.4 kes per 100,000 penduduk tahun lalu.

Katanya, ini bermakna negara sudah hampir mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Millenium (MDG) untuk mengurangkan kadar jangkitan AIDS/HIV kepada 11 kes per 100,000 penduduk menjelang 2015.

‘Kejayaan mengurangkan

kadar jangkitan AIDS/HIV hasil daripada usaha kerajaan melaksanakan pelbagai program termasuk pemberian jarum suntikan dan kondom percuma kepada golongan sasar iaitu penagih dadah serta pekerja seks.

“Usaha ini dilakukan sejak

2006, dan ia berjaya membuah hasil, program ini bukan bertujuan menggalakkan seks rambang, tetapi untuk mengurangkan jangkitan kepada orang lain termasuk dari suami dan isteri serta sebaliknya,” katanya.

Malah, katanya jumlah kes baru yang dicatatkan tahun lalu juga berkurang iaitu 3,393 kes berbanding tahun sebelumnya.

Selain itu, kadar kematian juga berkurangan berikutan usaha kerajaan memberikan rawatan anti AIDS/HIV yang dilihat mampu meningkatkan jangka hayat pesakit.

FAKTA
Kadar jangkitan HIV/AIDS di Malaysia semakin menurun